

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 8 OGOS 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 24

Langkah proaktif bantu pertumbuhan pantas

Langkah proaktif bantu pertumbuhan pantas

Pelbagai langkah proaktif kerajaan mempercepat peralihan ekonomi negara daripada fasa pemulihara kepada pengukuhkan, demikian menurut Ketua Perangkawatan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin.

Beliau berkata, pemulihara ekonomi bukan sahaja diterjemahkan menerusi pertumbuhan ekonomi yang semakin mengukuh, malah turut ditunjukkan oleh peningkatan taraf hidup dan kesejahteraan sosial masyarakat.

"Pembukaan semula sempadan antarabangsa negara dan peralihan Malaysia ke fasa endemik pada 1 April 2022 memberi impak positif terhadap persekitaran sosio ekonomi negara. Ini dicerminkan melalui pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang melonjak kepada 8.7 peratus

berbanding 3.3 peratus pada tahun 2021, menjadikannya prestasi terbaik selepas 2000.

"Pembukaan semua aktiviti ekonomi khasnya industri berkapita pelancongan turut mendorong pengukuhan ekonomi negara. Kebenaran rentas negeri serta perlaksanaan pelbagai inisiatif oleh kerajaan bagi memulihri industri pelancongan yang terjejas sejak dua tahun lalu menggalakkan pelancongan domestik negara.

"Ia dapat dilihat melalui prestasi pelancongan domestik yang memulihri secara luar biasa dengan mencatatkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM64.1 bilion berbanding RM18.4 bilion pada 2021, iaitu peningkatan sebanyak 248.1 peratus," katanya dalam Laporan Sosioekonomi Negeri 2022 terbitan Jabatan Perangkaan Ma-

laysia (DOSM).

Laporan itu juga dilihat menyatai sasarasan ekonomi MADANI yang mahu menjadikan Malaysia antara ekonomi berprestasi tinggi di dunia.

Ekonomi semakin pulih

Mohd Uzir berkata, ekosistem ekonomi negara yang semakin pulih turut diperlihatkan melalui prestasi yang berkembang lebih baik di semua negeri berbanding tahun sebelumnya.

"Empat negeri menunjukkan prestasi memberangsangkan dengan pertumbuhan KDNK melebihi nasional iaitu Pulau Pinang (13.1 peratus), Selangor (11.9 peratus), Pahang (10.8 peratus) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (9.2 peratus).

Beliau menjelaskan, persekitaran ekonomi negara yang membela-

ran ekonomi negara yang membela rangsangan juga meningkatkan tahap keyakinan pelabur untuk melabur di negara ini.

"Lima negeri merekodkan aktiviti pelaburan yang tertinggi, didahului oleh Johor dengan nilai pelaburan diluluskan sebanyak RM70.6 bilion. Ini diikuti oleh Selangor (RM60.1 bilion), Sarawak (RM28.2 bilion), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (RM25 bilion) dan Pulau Pinang (RM16.3 bilion)," katanya.

Mohd Uzir berkata, pertumbuhan ekonomi yang membela rangsangan juga dapat dilihat dengan peningkatan jumlah dagangan kepada RM2.8 trillion tahun lalu berbanding RM2.2 trillion pada tahun sebelumnya, dengan nilai eksport dan import masing-masing berjumlah RM1.6

trilion dan RM1.3 trillion.

"Ini mendorong prestasi ekspor yang baik di Pulau Pinang (30.3 peratus), Selangor (8.8 peratus) dan Kedah (36.1 peratus)" katanya.

Sementara itu, berdasarkan dapatan Survei Pendapatan Isi Rumah Malaysia 2022 yang diberitakan oleh DOSM, pendapatan isi rumah penengah kasar bulanan meningkat dari RM5,873 pada 2019 kepada RM6,338 pada 2022.

Mohd Uzir berkata, peningkatan pendapatan isi rumah mendorong kepada peningkatan kuasa beli pengguna yang seterusnya meningkatkan permintaan terhadap barang dan perkhidmatan, seterusnya menjadi antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan dalam harga pengguna.